

Selasa, 15 Oktober 2019 | 11:42pm



PENGARAH Bahagian Rasionalisasi Petroleum Kenderaan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Amran Ahmad menyampaikan taklimat berkenaan subsidi petrol kepada warga Kementerian Komunikasi dan Multimedia semasa majlis Taklimat Khas Belanjawan 2020 dan Isu-Isu Semasa. - Foto BERNAMA

## Masih ada subsidi bantu serap kenaikan harga RON95

**PUTRAJAYA:** Kerajaan tetap menyumbang subsidi petrol walaupun harga petrol RON95 diapungkan bermula 1 Januari ini, berikutan pelaksanaan Program Subsidi Petrol (PSP) bagi mengurangkan impak perubahan harga kepada rakyat.

Pengarah Bahagian Rasionalisasi Petroleum Kenderaan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDHEP), Amran Ahmad, berkata setiap kali semakan harga minyak dilakukan, kerajaan akan memastikan ia tidak melebihi 5 sen dengan kos selebihnya ditanggung melalui subsidi.

Tegasnya, apabila RON95 diapungkan, ia tidak akan naik secara mendadak sebaliknya berperingkat-peringkat.

"Pemberian subsidi itu diteruskan sepanjang kenaikan secara berperingkat harga minyak RON95 sehingga ia mencapai harga pasaran yang sepatutnya," katanya kepada BERNAMA selepas memberi taklimat mengenai PSP di sini, hari ini.

Pada 7 Oktober lalu, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail mengumumkan pelaksanaan PSP yang akan membabitkan 2.9 juta penerima Bantuan Sara Hidup (BSH) berkenderaan.

Mereka yang layak akan diberikan subsidi petrol sebanyak RM30 sebulan untuk pemilik kereta atau RM12 sebulan untuk pemilik motosikal yang disalurkan dalam bentuk pemindahan tunai dan dikreditkan terus ke akaun bank penerima setiap empat bulan.

Ketika pembentangan Belanjawan 2020, Menteri Kewangan, Lim Guan Eng, mengumumkan kelompok yang tidak tergolong dalam B40 juga boleh menikmati subsidi berkenaan melalui Kad95 yang akan diberikan kepada mereka yang layak iaitu berpendapatan kurang RM4,000, tetapi tidak tersenarai dalam BSH.

Kira-kira lima juta pemandu melalui Kad95 menikmati subsidi petrol 30 sen per liter terhad kepada 100 liter sebulan bagi kereta atau 40 liter sebulan bagi motosikal.

Mengenai kebimbangan orang ramai sekiranya harga minyak RON95 naik mendadak di pasaran, Amran berkata melalui kajian yang dilakukan, jangkaan harga minyak mentah akan bergerak sekitar US\$50 ke US\$60 setong dalam jangka masa tiga ke empat tahun.

“Oleh demikian, rakyat tidak perlu khuatir tentang kenaikan harga minyak secara mendadak kerana ia akan dibuat secara beransur-ansur,” katanya. – BERNAMA